

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan anjur Bayan Al-Fatwa

NST 16.10.2018 8

LABUAN : Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menganjurkan Program Bayan Al-Fatwa di Dewan Kuliah Pusat UMSKAL, pada Rabu lalu.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Mufti

Wilayah Persekutuan, Haji Hashim Haji Salleh.

Turut hadir Ketua Polis Daerah Labuan, Superitendan Muhd Farid Ahmad dan Penolong Pendaftar Pentadbiran, Mas Adi Alimin.

Seramai 200 peserta yang terdiri daripada penjawat awam, swasta, staf dan pelajar UMS

Labuan menghadiri program tersebut.

Sebanyak tiga slot ceramah telah diadakan bermula slot pertama yang bertajuk "Fiqh Revolusi Mazhab" yang disampaikan Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri.

Diikuti ceramah kedua bertajuk "LGBT penyakit @ masalah sosial" yang disampaikan

Dr. Suhazeli Abdullah.

Manakala ceramah terakhir bertajuk "Hadith, Kemestian@pilihan yang disampaikan oleh Usta Mohd Ghaali Mohhd Nor dari Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. - OLEH JAINUDIN

DJIMIN